

29/06/2001

Ada batu api cuba gagalkan GP Joran Selangor

BANYAK perkara menarik mengenai pertandingan GP Joran pusingan kedua, di Kelanang, esok.

Yang positif mengenai penganjuran ini paling banyak. Maklumlah ini kali pertama Kuala Langat dipilih menjadi tuan rumah bagi peringkat negeri Selangor. Jadi mereka kerja sungguh-sungguh untuk menjayakannya sampaikan peniaga pun nak kena suntik typhin untuk mencegah taun sebelum boleh jual makanan. Nak jaga kualiti!

Selain itu, MDKL (Majlis Daerah Kuala Langat) pun rasa-rasanya berhabis-habisan untuk menjayakan pertandingan ini. Begitu juga dengan persatuan nelayan, penduduk kampung, Rela dan semua yang terbabit. Wak tabik kepada mereka semua!

Seperti mana Wak menghadiri mesyuarat GP Joran di beberapa negeri sebelum ini, Wak juga nampak semua pihak di Kuala Langat bersungguh-sungguh untuk menjayakannya, terutama Adun Morib, Datuk Abdul Samad Maharuddin.

Pun begitu, ada juga yang tak senang dengan penganjuran GP Joran di Kuala Langat, tapi ia bukan `kerja' orang di daerah itu, tapi di negeri dan daerah lain.

Trek yang mulanya dah elok, jadi tunggang-langgang seketika dibuatnya, terutama yang membabitkan bot.

Mula-mula Wak kenal pegawai perikanan yang menyediakan bot, memang dia seronok sebab jadi sebahagian daripada jawatankuasa penganjur. Maklumlah ini pertandingan pertama di Kuala Langat dan besar pula tu. Penyelaras bot berkenaan dalam perbincangan yang diadakan, bersetuju dengan tawaran harga yang dikemukakan penganjur dan bersedia mencari bot bagi tujuan pertandingan.

Pun begitu ada yang tak senang. Wak difahamkan dalam satu sesi kursus yang diadakan di selatan tanah air, ada pihak yang jadi `batu api' atau mungkin juga tak senang dengan penganjuran di Kuala Langat. Mungkin mereka mahu GP Joran diadakan di tempat mereka sahaja!

Justeru, diberitakanlah kepada pegawai ni bahawa sewa bot perlu sekian harga (yang jauh lebih tinggi daripada harga yang dipersetujui), itu kena tulis surat, ini perlu pengesahan dan macam-macam lagi sampai pening kepala pegawai berkenaan. Maklumlah dia tak pernah menguruskan pertandingan sebegini besar.

Maka bermacam-macam mukalah sekejap si pegawai ini dengan Wak dan penganjur. Akhirnya, Wak terpaksa mencari senarai harga bot terdahulu sebagai bukti kejujuran penganjur. Bila tengok salinan faks yang Wak fakskan kepada beliau, barulah beliau sedar siapa yang benar dan siapa putar alam.

Wak tak salahkan pegawai berkenaan. Wak tahu dia jujur dan tak berniat menanggung di air keruh daripada pertandingan ini. Malah dia juga yang suruh semua bot sediakan air dan tempat sembahyang, dengan harapan peserta tidak meninggalkan kewajipan mereka.

Tapi yang Wak kesalkan ialah kenapa ada batu api dan rasa iri hati di kalangan orang luar dengan pemilihan Kuala Langat? Tak boleh ke tengok orang lain senang sikit.

Wak harap mereka yang berkenaan itu, lihatlah ke depan dengan pandangan positif. Sebaik atau sehebat mana sekalipun sesuatu kawasan itu, tak mungkin GP Joran akan diadakan di situ buat selama-lamanya. Ini kerana tujuan pertandingan ini ialah bagi mempromosikan sesuatu tempat sebagai

destinasi memancing.

Fikir dan renungkanlah. Insaflah Melayu: Itu tajuk akhbar Berita Harian pada Jumaat lalu hasil ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia penuh makna dan dalam maksudnya!

(END)